

# Pantau keberkesanan, pelaksanaan kad diskaun siswa

**P**endedahan eksklusif akhbar ini tentang keluh kesah pemegang Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) yang sukar mendapat diskaun dan menikmati kemudahan yang sepatutnya tidaklah begitu mengejutkan.

Pemantauan pelaksanaan dan keberkesanan projek kemudahan ini dilihat tidak dibuat oleh mana-mana pihak bertanggungjawab sejak ia dilaksanakan.

Pendedahan hasil kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) sekali gus mengesahkan dan membuktikan bahawa sudah tiba masanya untuk pihak berkuasa menilai dan mengkaji semua penggunaan kad diskaun ini.

Secara umumnya pemberian kad diskaun ini adalah membatinkan kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Bank Rakyat.

Projek ini dilancarkan sejak empat tahun lalu dengan tujuan dan matlamat membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar di institusi pengajian tinggi.

Matlamat dan tujuan asal program ini sangat baik dan dilihat mampu membantu pelajar dalam menjalani kehidupan seharian sebagai mahasiswa, namun kegagalan kita memantau dan melihat keberkesanannya menyebabkan ia seolah-olah tidak menepati matlamat asal projek tersebut.

Justeru, tiba masanya untuk KPDNKK menilai dan menyemak semula keberkesanan pelaksanaan program ini agar ia memberi impak diharapkan.

Kementerian wajar beri perhatian serius kepada beberapa hasil penemuan kajian UPM supaya kita dapat tangani isu ini secara menyeluruh.

Antaranya, diskaun yang disediakan itu perlu meliputi aspek yang diperlukan pelajar yang boleh membantu mengurangkan kos sara hidup mereka seperti makanan harian, percetakan dan bantuan pelajaran.

Maka dalam konteks ini, kementerian perlu semak semula rakan dagang yang sedia ada sama ada memenuhi keperluan dan kehendak pelajar.

Sewajarnya rakan dagang yang menyediakan keperluan tiga aspek utama itu diperbanyakkan lagi agar dapat membantu pelajar. Untuk itu, kita cadangkan kemudahan diskaun diberi kepada perkhidmatan atau produk lebih berfokus dan memenuhi keperluan pelajar, ia tidak perlu terlalu banyak sebaliknya memadai untuk beberapa kategori perkhidmatan dan produk yang benar-benar boleh beri impak dan mengurangkan kos sara hidup pelajar.

Dalam pada itu tindakan beberapa rakan dagang yang dikatakan sudah tidak menerima kad diskaun atau menolak untuk

memberi diskaun seperti yang dijanjikan perlu ditangani segera.

Ini jelas mereka tidak mematuhi perjanjian. Kementerian wajar mengambil tindakan dan kenakan hukuman setimpal kepada rakan dagang seperti ini yang dilihat menganiaya pelajar.

## Jumlah diskaun tak sama

Begitu juga dengan isu ketidakseragaman diskaun antara satu cawangan dengan cawangan yang lain membatinkan syarikat yang sama kerana dikatakan diskaun bergantung kepada budi bicara pemilik cawangan tersebut.

Ini jelas menyusahkan pelajar dan menimbulkan pelbagai tanda tanya dari aspek keseragaman kadar diskaun yang telah ditetapkan dan dipersetujui sebelum ini.

Malah tindakan beberapa rakan dagang yang tidak mahu menerima kad diskaun dengan alasan sudah tamat tempoh perjanjian setahun komitmen juga perlu diberi perhatian.

Apakah ini bermaksud sememangnya tiada penyambungan kontrak perjanjian selepas tamat tempoh setahun dan kalau perkara itu benar maka kita tidak boleh salahkan rakan dagang tersebut dan diharap KPDNKK lihat semula semua perjanjian.

Di samping itu dari aspek pihak rakan dagang pula, elok juga difikirkan semula keistimewaan yang mereka dapat selepas me-



**Kad diskaun siswa membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar di institusi pengajian tinggi.**



Tindakan beberapa rakan dagang tidak menerima kad diskaun atau menolak untuk memberi diskaun seperti yang dijanjikan perlu ditangani segera. Ini jelas mereka tidak mematuhi perjanjian. Kementerian wajar kenakan hukuman setimpal kepada rakan dagang seperti ini yang dilihat menganiaya pelajar”

nyediakan diskaun kepada pelajar. Apakah mereka dapat menikmati sebarang faedah seperti pengecualian cukai terhadap barang yang diberi diskaun atau sebarang faedah lain atau ini hanya projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) semata-mata?

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini agak sukar untuk kita terus menagih terlalu banyak ihsan atas nama CSR dari syarikat seperti ini. Elok diwujudkan situasi menang-menang agar kedua-dua pihak iaitu pelajar dan juga pihak syarikat dapat manfaat bersama.

Secara prinsipnya program ini cukup baik dan wajar diteruskan. Cuma kita mohon aspek pelaksanaan diteliti semula agar dapat memberi manfaat yang diharapkan.



**Noor Mohamad Shakil Hameed,**  
Ketua Bahagian  
Hal Ehwal Pelajar,  
Universiti Putra Malaysia